

BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini, dilaporkan dapatan kajian dan perbincangan tentang strategi-strategi tanya-jawab antara pensyarah dengan pelajar di bilik darjah. Analisis data adalah berdasarkan rangka struktur pertukaran percakapan bilik darjah Sinclair dan Coulthard (1975) dan konvensyen transkripsi Jefferson (1984) yang telah disesuaikan dengan keperluan kajian ini. Lima transkripsi wacana kelas telah digunakan sebagai sampel untuk mengenalpasti fungsi-fungsi soalan dan jawapan sebagai strategi dalam interaksi bilik darjah.

Kesemua pertanyaan oleh responden pensyarah dan pelajar-pelajar dikategorikan sebagai ayat tanya tertutup ataupun ayat tanya terbuka untuk penganalisan secara kuantitatif. Di samping itu, beberapa urutan tanya-jawab yang unik dibuat analisis secara kualitatif berdasarkan syarat kesesuaian Searle (1969:66) dalam teori LB. Penghuraian meliputi bentuk nahan, intonasi ujaran, makna struktur dan konteks situasi ujaran. Berdasarkan huraian kualitatif ini, strategi-strategi tanya-jawab utama yang dipraktikkan oleh responden pensyarah dan pelajar-pelajar dapat diperlihatkan dengan lebih jelas.


4.2 Analisis Statistik Data

4.2.1 Analisis Transkripsi 1

Jadual 4.1 Keckerapan Pertanyaan (Transkripsi 1)

Jenis Pertanyaan	Pensyarah (L)	Pelajar (S)	Jumlah Keckerapan Pertanyaan
Ayat Tanya Tertutup dalam konteks	16	21	37
Ayat Tanya Terbuka dalam konteks	8	37	45
Jumlah Pertanyaan	24 (29.3%)	58 (70.7%)	82 (100%)

Jadual 4.1 menunjukkan keseluruhan kekerapan pertanyaan yang dihasilkan oleh pensyarah dan pelajar-pelajar dalam pertuturan kelas. Semua maklumat ini diperolehi berdasarkan 85 SP dalam Transkripsi 1 (Lampiran B1).



Rajah 4.1 Kekerapan Pertanyaan (Transkripsi 1)


Rajah 4.1 diperolehi berdasarkan maklumat-maklumat dari Jadual 4.1. Didapati bahawa jumlah kekerapan pertanyaan pelajar adalah jauh lebih daripada jumlah kekerapan pertanyaan oleh pensyarah, iaitu 70.7% dengan 29.3%. Malahan pelajar-pelajar kelas ini cenderung kepada pertanyaan terbuka iaitu sebanyak 63.8% berbanding dengan pertanyaan tertutup yang hanya memperlihatkan 36.2%.

4.2.2 Analisis Transkripsi 2

Jadual 4.2 Kekerapan Pertanyaan (Transkripsi 2)

Jenis Pertanyaan	Pensyarah (L)	Pelajar (S)	Jumlah Kekerapan Pertanyaan
Ayat Tanya Tertutup dalam konteks	52	6	58
Ayat Tanya Terbuka dalam konteks	51	3	54
Jumlah Pertanyaan	103 (92.0%)	9 (8.0%)	112 (100%)

Jadual 4.2 menunjukkan keseluruhan kekerapan pertanyaan yang dihasilkan oleh pensyarah dan pelajar-pelajar dalam pertuturan kelas. Maklumat-maklumat ini diperolehi berdasarkan 94 SP dalam Transkripsi 2 (Lampiran B2).



Rajah 4.2 Kekeapan Pertanyaan (Transkripsi 2)


Rajah 4.2 diperoleh berdasarkan maklumat-maklumat dari Jadual 4.2. Rajah ini memperlihatkan jumlah kekerapan pertanyaan pelajar adalah amat sedikit jika berbanding dengan jumlah kekerapan pertanyaan pensyarah, iaitu 8.0% dan 92.0%. Keadaan ini adalah sebalik dengan situasi dalam Transkripsi 1.

4.2.3 Analisis Transkripsi 3

Jadual 4.3 Kekeapan Pertanyaan (Transkripsi 3)

Jenis Pertanyaan	Pensyarah (L)	Pelajar (S)	Jumlah Kekeapan Pertanyaan
Ayat Tanya Tertutup dalam konteks	63	1	64
Ayat Tanya Terbuka dalam konteks	97	4	101
Jumlah Pertanyaan	160 (97.0%)	5 (3.0%)	165 (100%)

Jadual 4.3 menunjukkan keseluruhan kekerapan pertanyaan oleh pensyarah dan pelajar-pelajar dalam pertuturan kelas. Maklumat-maklumat ini diperoleh berdasarkan 82 SP dalam Transkripsi 3 (Lampiran B3).



Rajah 4.3 Kekerapan Pertanyaan (Transkripsi 3)


Rajah 4.3 diperoleh berdasarkan maklumat-maklumat dari Jadual 4.3. Didapati bahawa jumlah kekerapan pertanyaan pelajar adalah sangat sedikit, iaitu hanya 3.0%. Sebaliknya, jumlah kekerapan pertanyaan pensyarah mencapai 97.0%.

4.2.4 Analisis Transkripsi 4

Jadual 4.4 Kekerapan Pertanyaan (Transkripsi 4)

Jenis Pertanyaan	Pensyarah (L)	Pelajar (S)	Jumlah Kekerapan Pertanyaan
Ayat Tanya Tertutup dalam konteks	144	25	169
Ayat Tanya Terbuka dalam konteks	63	15	78
Jumlah Pertanyaan	207 (83.8%)	40 (16.2%)	247 (100%)

Jadual 4.4 menunjukkan keseluruhan kekerapan pertanyaan yang dihasilkan oleh pensyarah dan para pelajar dalam wacana kelas. Maklumat-maklumat ini diperolehi berdasarkan 113 SP dalam Transkripsi 4 (Lampiran B4).



Rajah 4.4 Kekerapan Pertanyaan (Transkripsi 4)


Rajah 4.4 diperoleh berdasarkan maklumat-maklumat dari Jadual 4.4. Rajah ini memperlihatkan jumlah kekerapan pertanyaan pelajar adalah lebih tinggi berbanding dengan keputusan Transkripsi 2 dan Transkripsi 3. Namun begitu, penglibatan pelajar masih tidak memadai berbanding dengan jumlah kekerapan pertanyaan pensyarah, iaitu 16.2% dengan 83.8%.

4.2.5 Analisis Transkripsi 5

Jadual 4.5 Kekerapan Pertanyaan (Transkripsi 5)

Jenis Pertanyaan	Pensyarah (L)	Pelajar (S)	Jumlah Kekerapan Pertanyaan
Ayat Tanya Tertutup dalam konteks	128	2	130
Ayat Tanya Terbuka dalam konteks	58	2	60
Jumlah Pertanyaan	186 (97.9%)	4 (2.1%)	190 (100%)

Jadual 4.5 menunjukkan keseluruhan kekerapan pertanyaan yang dihasilkan oleh pensyarah dan pelajar-pelajar dalam wacana kelas. Maklumat-maklumat ini diperolehi berdasarkan 100 SP dalam Transkripsi 5 (Lampiran B5).



Rajah 4.5 Kekerapan Pertanyaan (Transkripsi 5)


Rajah 4.5 diperoleh berdasarkan maklumat-maklumat dari Jadual 4.5. Diperlihatkan bahawa jumlah kekerapan pertanyaan pelajar amat rendah, iaitu hanya 2.1%. Sebaliknya jumlah kekerapan pertanyaan pensyarah adalah jauh tinggi, iaitu sebanyak 97.9%.

4.2.6 Analisis Keseluruhan Pertanyaan Pensyarah

Jadual 4.6 Pertanyaan Pensyarah

Jenis Pertanyaan	Jumlah Kekerapan	Purata (Setiap Kelas)	Peratusan (Setiap Kelas)
Pertanyaan Tertutup	403	80.6	59.3
Pertanyaan Terbuka	277	55.4	40.7
Jumlah Pertanyaan	680	136.0	100.0

Jadual 4.6 menunjukkan keseluruhan kekerapan dan purata pertanyaan pensyarah yang meliputi bentuk pertanyaan tertutup dan pertanyaan terbuka dalam wacana bilik darjah. Maklumat-maklumat ini diperoleh berdasarkan lima sampel data (Lampiran B1- B5).



Rajah 4.6 Purata Pertanyaan Pensyarah


Rajah 4.6 diperoleh berdasarkan maklumat-maklumat dalam Jadual 4.6. Secara puratanya, didapati bahawa para pensyarah lebih cenderung menanya soalan dalam bentuk pertanyaan tertutup (59.3%) berbanding dengan bentuk pertanyaan terbuka (40.7%).

4.2.7 Analisis Keseluruhan Pertanyaan Pelajar

Jadual 4.7 Pertanyaan Pelajar

Jenis Pertanyaan	Jumlah Kekekapan	Purata (Setiap Kelas)	Peratusan (Setiap Kelas)
Pertanyaan Tertutup	55	11.0	47.4
Pertanyaan Terbuka	61	12.2	52.6
Jumlah Petanyaan	116	23.2	100.0

Jadual 4.7 menunjukkan keseluruhan kekerapan dan purata pertanyaan pelajar yang meliputi bentuk ayat tanya tertutup dan ayat tanya terbuka dalam wacana bilik darjah. Maklumat-maklumat ini diperoleh berdasarkan lima sampel data (Lampiran B1- B5).



Rajah 4.7 Purata Pertanyaan Pelajar

Rajah 4.7 diperoleh berdasarkan maklumat-maklumat dalam Jadual 4.7. Dalam kategori pelajar, hanya diperlihatkan sedikit perbezaan iaitu 5.2% di antara pertanyaan terbuka (52.6%) dan pertanyaan tertutup (47.4%).

4.3 Konsep Pertanyaan Dalam Bilik Darjah

Dalam kajian ini, ayat-ayat tanya bukan sahaja berfungsi untuk mencungkil maklumat tetapi juga sebagai strategi pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Pihak penutur sama ada pensyarah ataupun pelajar dapat mengenalpasti lakuan-lakuan bahasa yang terkandung secara tersurat atau tersirat dalam pertanyaan yang diajukan sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Pertanyaan untuk mencungkil maklumat:

Petikan 1, Transkripsi 1, Topik: Konsep Asas Moral

215	SC (3) : Penghayatan amalan daripada aspek apa?	←SP41
216	SI (5) : Tentang konsep pendidikan moral adalah (.) ah (.) selain daripada ajaran	
217	agama, ajaran dulu di sekolah rendah sehingga sekolah menengah dan	
218	juga sekarang di politeknik, atau sehingga mungkin di universiti (.) <i>and</i>	
219	<i>then</i> ajaran yang diterima itu semua betul (.) di Malaysia, apa yang	
220	semasa kita budak-budak kecil orang ajar, bolehlah diaplikasikannya (.)	
221	<i>and then, and then</i> juga daripada buku.	

Dalam petikan ini, SC (3) mengemukakan satu ayat tanya terbuka “Penghayatan amalan daripada aspek apa?” (baris 215) dan SI (5) menjawab terus kepada pertanyaan tersebut dengan memberi maklumat bahawa penghayatan amalan boleh melalui empat aspek, iaitu ajaran agama, pendidikan formal, asuhan orang dewasa dan daripada buku (baris 216-221). SC (3) yang sedang mengikuti perbincangan kelas mengajukan soalan di atas kerana dia tidak mengetahui cara untuk menghayati amalan nilai-nilai murni yang diperihalkan oleh kumpulan pembentang.

4.3.1 Pertanyaan Tertutup

Ayat tanya tertutup mempunyai batasan tertentu. Oleh demikian, lazimnya ia hanya memerlukan jawapan ‘ya’ / ‘tidak’ atau pernyataan singkat. Tujuan jenis pertanyaan ini diajukan untuk meminta maklumat yang spesifik atau mengesahkan fakta yang berkaitan dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Berikut adalah satu contoh ayat tanya tertutup yang diperoleh daripada data:

Petikan 2, Transkripsi 2, Topik: Euthanasia

62	L2	: Ok, minggu lalu saya dah memberikan tugas kepada	←SP7
63		setiap kumpulan.	
64 _{QT}		Betul?	
65 _{QT}		Adakah semua kumpulan dah bersedia?	
66	S	: Ya.	
67	L2	: Ok.	

Dalam petikan di atas, L2 telah berturut-turut bertanyakan dua soalan tertutup tentang tugas yang diberikannya pada minggu lepas (baris 64) dan persiapan pembentangan tentang Euthanasia oleh semua kumpulan (baris 65) tanpa menunggu respons daripada pendengar. Akibatnya, S hanya sempat menjawab kepada soalan yang kedua dengan jawapan yang singkat tetapi cukup sesuai dengan kehendak soalan tertutup (baris 66).

4.3.2 Pertanyaan Terbuka

Berbeza dengan ayat tanya tertutup, ayat tanya terbuka tidak mempunyai batasan tertentu. Pendengar boleh memilih bentuk jawapan terhadap pertanyaan terbuka yang ditujukan kepadanya. Ini bermakna ayat tanya terbuka memerlukan respons pendengar yang lebih kompleks.

Pempraktikan soalan terbuka dalam interaksi bilik darjah dapat membantu pihak bertanya memperoleh lebih maklumat daripada pendengar. Hal ini seterusnya dapat menggalakkan pelajar melibatkan diri dalam aktiviti pelajaran dengan lebih lanjut dan menyeluruh. Di samping itu, ia dapat mendorong perkembangan dan perluasan

sesuatu topik pelajaran. Oleh demikian, pertanyaan terbuka merupakan elemen yang dimestikan dalam tanya-jawab untuk mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang aktif dan kondusif. Berikut adalah satu contoh ayat tanya terbuka yang dipetik daripada data:

<u>Petikan 3, Transkripsi 1, Topik: Konsep Asas Moral</u>		
231 _{QB}	SI (4) : Apa kaitan dengan pendidikan moral di sini?	←SP46
232	SI (5) : <u>Y</u> alah (.) ini pendidikan moral secara tidak formallah.	
233	Pendidikan moral secara tidak formal adalah ajaran ibu bapa.	
234	<i>Alright</i> . Penghayatan pendidikan moral ini boleh menolong	
235	membentuk insan yang mulia dan bertanggungjawab	
236	secara berterusan kepada masyarakat dan negara.	

Dalam petikan di atas, SI (4) mengemukakan satu soalan terbuka di baris 231. Berdasarkan struktur ayat tanya ini, adalah jelas sekali bahawa jawapan yang dikehendaki oleh SI (4) bukan setakat ‘ya’ atau ‘tidak’ tetapi huraian yang terperinci tentang hubungan di antara ajaran ibu bapa dengan konsep pendidikan moral. SI (5) telah memberi maklumat lanjut dari baris 232 hingga 236 untuk menjawab soalan tersebut dengan menerangkan ajaran ibu bapa sebenarnya merupakan komponen pendidikan moral secara tidak formal dan penghayatan dari pelbagai aspek bukan sahaja membantu memanfaatkan individu tetapi membawa kebaikan juga terhadap masyarakat dan negara.

4.4 Variasi Lakuan Bahasa Dalam Urutan Tanya-Jawab

4.4.1 Pertanyaan sebagai permintaan dan ajakan

Ujaran-ujaran dalam konteks tanya-jawab di bawah mempersembahkan dua variasi LB pertanyaan iaitu permintaan dan ajakan berdasarkan syarat kesesuaian Searle (1969).

Petikan 4, Transkripsi 1, Topik: Konsep Asas Moral

29	L1	: Ok, baik. Kita nak masuk ke konsep akhlak, kemoralan, pendidikan ataupun kepercayaan.	←SP5
30			
31 _{QT}		Boleh saya nak kamu melaporkan?	
32		Ya, kamu terangkan apakah yang dinyatakan akhlak, kemoralan dan ah::: pendidikan moral, konsep agama dan (.) kepercayaan. Jadi	
33		kamu kena terangkan perkara semua, ya.	
34			
35		<i>((Pelajar-pelajar Kumpulan 1 keluar membuat pembentangan))</i>	

Ayat tanya tertutup “Boleh saya nak kamu melaporkan?” daripada L1 (baris 31) merupakan suatu pertindanan fungsi pertanyaan dengan fungsi permintaan. Jawapan yang dikehendaki bukan sekadar ‘Boleh’ atau ‘Tidak boleh’. Di sini pelajar-pelajar kumpulan pembentang memahami tentang permintaan L. Pelajar-pelajar dari kumpulan 1 telah memberi respons bukan verbal yang dianggap sesuai dan munasabah, iaitu mereka keluar dari tempat duduk untuk memulakan pembentangan tugas.

Dalam urutan tanya-jawab di atas, ujaran di baris 31 merupakan pertanyaan kerana bentuk ujarannya menggunakan struktur ayat tanya. Pertanyaan tertutup ini adalah proposisi yang tidak lengkap, iaitu L1 kekurangan maklumat untuk melengkapkan proposisi tersebut (rumus persediaan pertama pertanyaan). L1 tidak pasti sama ada pelajar-pelajar Kumpulan 1 mahu membentangkan laporan mereka seperti yang dimintanya. Intonasi akhir menaik dalam ujaran ini menggambarkan ketidakpastian L1. Kedua-dua pihak L1 dan pelajar-pelajar Kumpulan 1 tidak pasti sama ada pelajar-pelajar Kumpulan 1 akan memberikan maklumat tersebut pada masa itu, jika tidak ditanya (rumus persediaan kedua pertanyaan). Ini bermakna pelajar-pelajar Kumpulan 1 mungkin akan memberitahu maklumat tersebut atau mungkin tidak.

Dari segi makna strukturnya, ujaran “Boleh saya nak kamu melaporkan?” bermaksud L1 menanyakan pelajar-pelajar Kumpulan 1 sama ada mereka mahu membentangkan laporan mereka seperti yang dimintanya. Dalam konteks sebelum ujaran ini L1 telah

memberitahu kepada kelas bahawa pelajaran mereka akan masuk ke konsep akhlak, kemoralan, pendidikan ataupun kepercayaan. Dalam konteks ini, L1 memang ingin mengetahui sama ada pelajar-pelajar Kumpulan 1 mahu membentangkan laporan mereka seperti yang dimintanya (rumus keikhlasan pertanyaan). Oleh itu, L1 cuba mencungkil maklumat tersebut dengan bertanya kepada pelajar-pelajar Kumpulan 1 (rumus tujuan pertanyaan). Maka dari segi bentuk, intonasi, makna struktur, konteks, dan syarat kesesuaiannya, ujaran “Boleh saya nak kamu melaporkan?” boleh dimaksudkan sebagai satu pertanyaan.

Di samping pertanyaan, ujaran baris 31 ini juga memenuhi syarat kesesuaian Searle bagi kategori permintaan. Kesantunan bahasa dalam kehidupan merupakan satu ciri keistimewaan budaya masyarakat Melayu. Kenyataan ini memang diakui oleh ramai sarjana bahasa termasuk Ahmad Mahmood (2000). Masyarakat Melayu cenderung menggunakan bahasa yang sopan dan lembut dalam melakukan sesuatu permintaan. Contohnya L1 menyampaikan permintaannya dengan mengujarkan “Boleh saya” dalam konteks ini.

Dalam ayat tanya tertutup ini, L1 meminta pelajar-pelajar Kumpulan 1 melaporkan dapatan perbincangan mereka. Ayat ini memenuhi rumus kandungan proposisi permintaan kerana lakuan susulan yang ditunjukkan merupakan pembentangan laporan oleh pelajar-pelajar Kumpulan 1. L1 memang mahukan laporan daripada pelajar-pelajar Kumpulan 1 (rumus keikhlasan permintaan) dan L1 yakin bahawa pelajar-pelajar Kumpulan 1 dapat membentangkan laporan (rumus persediaan pertama permintaan).

Namun begitu, L1 dan pelajar-pelajar Kumpulan 1 tidak pasti sama ada pelajar-pelajar Kumpulan 1 akan melaporkan atau tidak, secara sukarela jika tidak diminta (rumus

persediaan kedua permintaan). Dalam konteks ini, dengan bertanya kepada pelajar-pelajar Kumpulan 1, L1 cuba menjadikan mereka ‘melaporkan’ seperti yang dimintanya (rumus tujuan permintaan).

Selain dari pertanyaan dan permintaan, ujaran “Boleh saya nak kamu melaporkan?” (baris 31) boleh juga dianggap sebagai satu ajakan, iaitu L1 menggunakan ujaran tersebut untuk menjemput pelajar-pelajar Kumpulan 1 untuk keluar membentangkan laporan mereka.

Dalam ujaran ini, L1 telah menyebutkan lakuan susulan kepada pelajar-pelajar Kumpulan 1, iaitu mereka membentangkan laporan mereka (rumus kandungan proposisi ajakan). L1 tidak mengetahui sama ada pelajar-pelajar Kumpulan 1 mahu membentangkan laporan mereka seperti yang dimintanya (rumus persediaan ajakan). L1 sememangnya bermaksud mahu pelajar-pelajar Kumpulan 1 membentangkan laporan mereka seperti yang dimintanya (rumus keikhlasan ajakan).

Sebagai pnsyarah, L1 diberikan peranan untuk mendengarkan dan menilai laporan pelajar. Maka L1 mengajak pelajar-pelajar Kumpulan 1 untuk membentangkan laporan mereka (rumus tujuan ajakan). Bagaimanapun, ajakan itu dilakukan secara tidak langsung dengan menggunakan pertanyaan. Berdasarkan huraian di atas, ujaran L1 di baris 31 ini telah memenuhi syarat-syarat kesesuaian bagi kategori ajakan.

Dari segi jawapan (respons), ujaran “Boleh saya nak kamu melaporkan?” (baris 31) oleh L1 diikuti oleh respons bukan verbal oleh pelajar-pelajar Kumpulan 1 (baris 35), iaitu mereka keluar membuat pembentangan laporan. Lakuan susulan ini secara mudah dapat dianggap sebagai jawapan kepada pertanyaan L1 tersebut. Respons bukan verbal ini

juga menggambarkan persetujuan, iaitu pelajar-pelajar Kumpulan 1 dalam konteks ini bersetuju untuk memberikan maklumat yang diminta oleh L1 dengan tindakan ‘keluar membuat pembentangan’.

Selain itu, tindakan pelajar-pelajar Kumpulan 1 yang ‘keluar membuat pembentangan’ juga merupakan respons kepada ajakan L1 yang menjemput mereka untuk membentangkan laporan. Ini menandakan penerimaan pelajar-pelajar Kumpulan 1 kepada ajakan L1. Maka, lakuan susulan ‘keluar membuat pembentangan’ oleh pelajar-pelajar Kumpulan 1 dapat ditafsirkan sebagai respons yang perlu dan sesuai kepada ajakan L1.

Berdasarkan huraian di atas, LB dalam urutan tanya-jawab ini bermula dengan pertanyaan, permintaan dan ajakan melalui ujaran “Boleh saya nak kamu melaporkan?” oleh L1 (baris 31) dan berakhir dengan jawapan sebagai persetujuan dan penerimaan melalui respons bukan verbal, iaitu pelajar-pelajar Kumpulan 1 ‘keluar membuat pembentangan’ (baris 35).

4.4.2 Pertanyaan sebagai permintaan dan pernyataan

Ujaran-ujaran dalam konteks tanya-jawab di bawah mempersembahkan dua variasi LB pertanyaan iaitu permintaan dan pernyataan berdasarkan syarat kesesuaian Searle (1969).

Petikan 5, Transkripsi 3, Topik: Dasar Utama Mewujudkan Masyarakat Malaysia

85 _{QB}	L3	: Biasanya PAS, PAS dengan DAP akan dengan apa lagi	←SP7
86		yang awak tahu, yang pembangkang di Malaysia? (.)	
87 _{QT}		Bagi yang mereka tak berminat dengan parti, tak	
88		berminat pun tak terbaca dalam suratkhobar?	
89	S	: Tak::: ((ketawa))	

Dalam urutan tanya-jawab di atas, ujaran L3 “Bagi yang mereka tak berminat dengan parti, tak berminat pun tak terbaca dalam suratkhobar?” (baris 87-88) dianggap sebagai pertanyaan jika dilihat dari segi bentuk nahuannya. Ini adalah kerana ujaran ini sesuai berfungsi sebagai pertanyaan. Bentuk ujaran tersebut menggunakan struktur ayat tanya-nafi dengan kehadiran banyak kali kata nafi ‘tak’. Ayat ini merupakan pertanyaan walaupun tidak mengandungi kata ganti nama tanya atau adverba tanya.

Sebagai pertanyaan tertutup, ayat tanya-nafi ini adalah proposisi yang tidak lengkap, iaitu L3 kekurangan maklumat untuk melengkapkan proposisi tersebut (rumus persediaan pertama pertanyaan). L3 tidak mengetahui sama ada pelajar-pelajarnya yang tidak berminat dengan parti-parti politik juga tidak pernah membaca suratkhobar yang mengandungi maklumat-maklumat berkenaan.

Ujaran ini (baris 87-88) juga menunjukkan intonasi akhir menaik yang jelas menggambarkan ketidakpastian L3. L3 dan S juga tidak pasti sama ada S akan memberikan maklumat tersebut pada masa itu jika tidak ditanya (rumus persediaan kedua pertanyaan). Mungkin S akan memberitahu maklumat tersebut kepada L3 atau mungkin tidak. Ujaran ini juga mempunyai makna struktur bahawa L3 bertanya kepada S sama ada mereka yang tidak berminat dengan parti-parti politik juga tidak pernah membaca tentang maklumat-maklumat yang berkaitan dalam suratkhobar.

Dalam konteks sebelumnya, L3 telah membincangkan tentang parti-parti politik dengan pelajar-pelajarnya dalam kelas. L3 kemudian bertanya tentang contoh-contoh parti pembangkang selain daripada ‘PAS’ dan ‘DAP’. Dengan tidak melengah masa, L3 terus bertanya lagi kepada para pelajarnya dengan ujaran “Bagi yang mereka tak berminat dengan parti, tak berminat pun tak terbaca dalam suratkhobar?” Ini mungkin adalah

kerana L3 merasakan pelajar-pelajarnya sepatutnya telah mempunyai pengetahuan sedia ada dalam hal ini.

Pertanyaan ini (baris 87-88) juga mungkin disebabkan oleh L3 menyedari bahawa pelajar-pelajarnya kekurangan pengetahuan tentang parti-parti pembangkang kerana mereka tidak berminat dengan parti-parti politik ataupun mereka kurang membaca. Oleh itu, L3 mahukan maklumat daripada S (rumus keikhlasan pertanyaan) kerana L3 tidak memiliki maklumat tersebut. Dengan demikian, L3 cuba mencungkil maklumat tersebut dengan bertanya kepada S (rumus tujuan pertanyaan).

Selain itu, ujaran L3 di baris 87-88 juga dapat dianggap sebagai permintaan. Dalam konteks ini, L3 meminta S melakukan satu lakuan susulan iaitu memberi maklumat sama ada mereka yang tidak berminat dengan parti-parti politik juga tidak pernah membaca tentang maklumat-maklumat tersebut dalam suratkhbar (rumus kandungan proposisi permintaan). L3 juga yakin bahawa S dapat melakukan lakuan susulan itu, iaitu memberikan maklumat tersebut (rumus persediaan pertama permintaan).

Bagaimanapun, kedua-dua pihak L3 dan S tidak pasti sama ada S akan memberikan maklumat tersebut atau tidak, secara sukarela pada masa itu jika tidak diminta (rumus persediaan kedua permintaan). Oleh itu, L3 bertanya kepada S kerana dia memang mahukan kepastian tentang maklumat tersebut (rumus keikhlasan permintaan). Dan L3 cuba menjadikan S memberi maklumat dengan bertanya kepada S (rumus tujuan permintaan). Berdasarkan syarat-syarat kesesuaian yang mendasarinya, maka ujaran L3 ini (baris 87-88) dapat dianggap sebagai permintaan.

Ujaran “Bagi yang mereka tak berminat dengan parti, tak berminat pun tak terbaca dalam suratkhobar?” (baris 87-88) dapat juga dianggap sebagai pernyataan. Menurut Ahmad Mahmood (1998), syarat kesesuaian bagi pernyataan adalah sama dengan pengesahan seperti yang dikemukakan oleh Searle (1969:66).

Dalam konteks ujaran ini, L3 mempunyai alasan tentang kebenaran proposisi, iaitu pelajar-pelajar dapat memperoleh maklumat-maklumat tentang parti-parti politik melalui suratkhobar biarpun mereka mungkin tidak berminat dengan parti-parti politik (rumus persediaan pertama pernyataan). Kedua-dua pihak L3 dan S tidak pasti sama ada S mengetahui proposisi tersebut atau tidak (rumus persediaan kedua pernyataan).

L3 juga yakin tentang kebenaran proposisi tersebut (rumus keikhlasan pernyataan), iaitu dia mengetahui dengan pasti bahawa maklumat-maklumat yang dimintanya terkandung dalam suratkhobar. Pelajar-pelajarnya meskipun tidak berminat dengan parti-parti politik juga mungkin mendapat pengetahuan tersebut dengan membaca surat khobar. Maka L3 bertanggungjawab untuk memerikan bahawa maklumat-maklumat tentang parti-parti politik itu memang dapat diperoleh melalui pembacaan suratkhobar secara tak langsung dengan pertanyaan “Bagi yang mereka tak berminat dengan parti, tak berminat pun tak terbaca dalam suratkhobar?” (rumus tujuan pernyataan).

Berdasarkan huraian syarat kesesuaian ini, jelas bahawa ujaran ini dapat dianggap sebagai pernyataan atau memberikan maklumat. Justeru itu, dapatan ini adalah sejajar dengan pernyataan oleh Ahmad Mahmood (1998) bahawa “pernyataan tidak semestinya dengan bentuk ayat pernyata sahaja”.

Ujaran yang diucapkan oleh L3 iaitu “Bagi yang mereka tak berminat dengan parti, tak berminat pun tak terbaca dalam suratkhbar?” (baris 87-88) diikuti oleh ujaran “Tak:::” oleh S (baris 89). Dari segi urutannya, jelas bahawa ujaran “Tak:::” merupakan jawapan kepada pertanyaan L3 itu.

Di samping itu, ujaran baris 89 ini juga merupakan satu persetujuan, iaitu S bersetuju untuk memberikan maklumat kepada L3 melalui ujaran “Tak:::”. Maklumat yang dimaksudkan dalam konteks ini iaitu menurut S, pelajar-pelajar yang tidak berminat dengan parti-parti politik juga tidak pernah memperoleh pengetahuan tersebut dalam suratkhbar.

Walau bagaimanapun, dalam urutan tanya-jawab mengikut konteks semasa, ujaran “Tak:::” (baris 89) merupakan penolakan kepada pernyataan bagi ujaran “Bagi yang mereka tak berminat dengan parti, tak berminat pun tak terbaca dalam suratkhbar?” oleh L3. Dalam ayat baris 87-88 yang berbentuk tanya-nafi ini, L3 sebenarnya berhajat agar pelajar-pelajarnya dapat memberi pengakuan atau mengiakan pernyataannya bahawa “kepada mereka yang tidak berminat dengan parti-parti politik, mereka dapat memiliki pengetahuan tentang parti-parti politik kerana pernah membacanya melalui suratkhbar”.

Dalam hal ini, S telah menolak pernyataan yang diberikan oleh L3, iaitu S mungkin merasakan mereka tidak mempunyai pengalaman seperti yang dikatakan oleh L3 itu. Dalam konteks semasa, ujaran “Tak:::” oleh S (baris 89) mungkin mendukung maksud bahawa pelajar-pelajar yang tidak berminat dengan parti-parti politik juga tidak semestinya pernah membaca maklumat-maklumat tersebut dalam suratkhbar.

Berdasarkan huraian di atas, LB dalam urutan tanya-jawab ini bermula dengan pertanyaan, permintaan dan pernyataan melalui ujaran “Bagi yang mereka tak berminat dengan parti, tak berminat pun tak terbaca dalam suratkhobar?” oleh L3 (baris 87-88), berakhir dengan jawapan sebagai persetujuan dan penolakan melalui ujaran “Tak:::” oleh S (baris 89).

4.4.3 Pertanyaan sebagai permintaan dan nasihat

Ujaran-ujaran dalam konteks tanya-jawab di bawah mempersembahkan dua variasi LB pertanyaan iaitu permintaan dan nasihat berdasarkan syarat kesesuaian Searle (1969).

Petikan 6, Transkripsi 4, Topik: Pengaruh Media Cetak

17	S	: °Kalau-	←SP3
18	L4	: Sebab tak nampak, orang takut benda ni ada :::	←SP4
19 _{QT}		Bila ada berbincang dan orang nampak awak ada tanyalah, kan?	
20 _{QT}		Memang macam tu, nanti markah jadi tinggilah, kan?	
21		((<i>Kesenyapan</i>))	
22 _{QT}	S	: °Berdiri ?	←SP5
23 _{QB}	L4	: Hah?	
24		: Kena duduk kat depan::: ok.	

Dalam urutan ujaran di atas, oleh kerana L4 mencelah dalam ujaran S “°Kalau-” (baris 17), maka kemungkinan-kemungkinan dalam ujaran yang dimaksudkan oleh S adalah sukar diketahui. Dengan demikian, tiada penganalisan terhadap ujaran S ini. Penganalisan tentang variasi LB dalam urutan ini dilakukan pada ujaran “Bila ada berbincang dan orang nampak awak ada tanyalah, kan?” oleh L4 (baris 19).

Ujaran L4 “Bila ada berbincang dan orang nampak awak ada tanyalah, kan?” (baris 19) merupakan pertanyaan dari segi bentuk nahuannya. Ayat ini merupakan pertanyaan tertutup tempelan dengan unsur tempelannya ‘kan’ yang selaras dengan bentuk ‘bukan’ dalam bentuk penuhnya. Ujaran ini dari segi nahuannya, selaras dengan “Bila ada berbincang dan orang nampak awak ada tanyalah, bukan?” Seperti yang telah

dihuraikan dalam contoh-contoh sebelum ini, ujaran ini dianggap sebagai pertanyaan kerana memenuhi syarat kesesuaian untuk pertanyaan.

Ayat tanya di baris 19 ini memang sesuai dengan fungsi pertanyaan kerana proposisi tidak lengkap. Dari sudut konteks, ujaran ini juga memenuhi syarat kesesuaian untuk pertanyaan. Dalam konteks ini, L4 kekurangan maklumat sama ada pelajar-pelajarnya bersetuju atau tidak bahawa pelajar yang terlibat dalam perbincangan dianggap ada membuat pertanyaan (rumus persediaan pertama pertanyaan). Ujaran ini juga menunjukkan intonasi akhir menaik yang menggambarkan ketidakpastian L4.

Kedua-dua pihak L4 dan S tidak pasti sama ada S akan memberikan maklumat pada masa itu jika tidak ditanya (rumus persediaan kedua pertanyaan). Ini bermakna, mungkin S akan memberitahu maklumat tersebut kepada L4 atau mungkin tidak. Bagaimanapun, L4 memang mahukan maklumat tersebut (rumus keikhlasan pertanyaan). Dari segi makna strukturnya, L4 bertanyakan kepada S sama ada S bersetuju atau tidak bahawa pelajar terlibat dalam perbincangan dianggap ada membuat pertanyaan. Oleh itu, L4 cuba mencungkil maklumat tersebut dengan bertanya kepada S (rumus tujuan pertanyaan).

Ujaran “Bila ada berbincang dan orang nampak awak ada tanyalah, kan?” (baris 19) juga dapat dianggap sebagai permintaan, iaitu L4 meminta S menyediakan maklumat sama ada S bersetuju atau tidak bahawa pelajar terlibat dalam perbincangan dianggap ada membuat pertanyaan (rumus kandungan proposisi permintaan). L4 yakin S dapat memberikan maklumat tersebut (rumus persediaan pertama permintaan).

Kedua-dua pihak L4 dan S tidak pasti sama ada S akan memberikan maklumat itu secara sukarela jika tidak diminta pada masa itu (rumus persediaan kedua permintaan). Oleh kerana L4 memang mahukan S memberikan maklumat tersebut (rumus keikhlasan permintaan), maka L4 cuba menjadikan S memberikan maklumat tersebut dengan bertanya kepada S (rumus tujuan permintaan). Oleh kerana kesemua syarat kesesuaian permintaan telah dipenuhi, maka ujaran “Bila ada berbincang dan orang nampak awak ada tanyalah, kan?” (baris 19) dapat dianggap sebagai permintaan.

Dalam konteks semasa, ujaran di baris 19 ini tidak semata-mata dianggap sebagai pertanyaan dan permintaan tetapi juga sebagai nasihat. Walaupun bentuknya merupakan ayat tanya, tetapi ia juga mengandungi maksud memberikan maklumat, khususnya memberikan nasihat. Hal ini demikian kerana nasihat bukan merupakan percubaan untuk menjadikan pendengar melakukan sesuatu seperti dalam permintaan, tetapi lebih merupakan pemberitahuan maklumat tentang kesan yang terbaik kepada pendengar (Ahmad Mahmood, 1998).

Ujaran “Bila ada berbincang dan orang nampak awak ada tanyalah, kan?” oleh L4 boleh dianggap sebagai nasihat dengan berdasarkan syarat kesesuaian bagi nasihat seperti yang dikemukakan oleh Searle (1969:67). Ujaran di baris 19 ini menggambarkan L menasihati S agar mereka melibatkan diri dalam perbincangan kelas supaya mereka dianggap ada membuat pertanyaan dalam sesi perbincangan itu. Penglibatan pelajar-pelajar merupakan lakuan susulan yang diharapkan oleh L4 (rumus kandungan prosposisi nasihat).

Berdasarkan konteks ujaran tersebut, L4 mempunyai alasan untuk mempercayai lakuan susulan itu akan menguntungkan S (rumus persediaan pertama nasihat). Sehubungan itu,

L4 dan S tidak pasti sama ada S akan mengambil bahagian dalam perbincangan atau tidak dalam keadaan biasa (rumus persediaan kedua nasihat).

Bagaimanapun, L4 memang yakin bahawa penglibatan pelajar dalam perbincangan kelas akan menjadikan mereka dianggap ada membuat pertanyaan dalam perbincangan tersebut, dan ini akan memberi manfaat atau kebaikan kepada S (rumus keikhlasan nasihat). Dengan itu, L4 bertanggungjawab menyakinkan S bahawa penglibatan mereka dalam perbincangan menjadikan mereka dianggap ada membuat pertanyaan dalam perbincangan tersebut akan memberikan kesan baik atau keuntungan kepada S (rumus tujuan nasihat).

Dalam hal ini, L4 tidak mengarahkan S menyertai perbincangan, tetapi L4 memberitahu atau menasihati S sesuatu yang baik atau memang menguntungkan S. Berdasarkan huraian syarat-syarat kesesuaian ini, jelaslah bahawa ujaran “Bila ada berbincang dan orang nampak awak ada tanyalah, kan?” (baris 19) dapat dianggap sebagai nasihat.

Dari segi urutan, ujaran “Bila ada berbincang dan orang nampak awak ada tanyalah, kan?” (baris 19) diikuti dengan ujaran “Memang macam tu, nanti markah jadi tinggilah, kan?” (baris 20) yang juga diujarkan oleh L4. Seperti ayat yang sebelumnya, ayat ini juga merupakan pertanyaan tertutup tempelan. Ujaran ini dari segi nahuannya, selaras dengan “Memang macam tu, nanti markah jadi tinggilah, bukan?”.

Dari segi bentuk nahuannya, ujaran ini merupakan ayat tanya. Ia sesuai dianggap sebagai pertanyaan kerana ayat tanya merupakan proposisi yang tidak lengkap, iaitu L4 kekurangan maklumat untuk melengkapkan proposisi tersebut (rumus persediaan pertama pertanyaan). L4 tidak mengetahui sama ada pelajar-pelajarnya bersetuju atau

tidak bahawa mereka akan mendapat markah tinggi sekiranya mereka melibatkan diri dalam perbincangan. Intonasi akhir menaik dalam ujaran “Memang macam tu, nanti markah jadi tinggilah, kan?” juga menggambarkan ketidakpastian L4.

Kedua-dua pihak L4 dan S tidak pasti sama ada S akan memberikan maklumat pada masa itu jika tidak ditanya (rumus persediaan kedua pertanyaan). Oleh demikian, dari segi konteks, L4 memang mahukan maklumat tersebut (rumus keikhlasan pertanyaan).

Ujaran “Memang macam tu, nanti markah jadi tinggilah, kan?” (baris 20) dari segi makna strukturnya bermaksud L4 bertanya kepada S sama ada mereka bersetuju atau tidak bahawa mereka akan mendapat markah tinggi sekiranya mereka melibatkan diri dalam perbincangan dan dianggap ada membuat pertanyaan. Oleh itu, L4 cuba mendapatkan maklumat tersebut dengan bertanya kepada S (rumus tujuan pertanyaan). Berdasarkan bentuk nahan, intonasi, makna struktur dan konteksnya serta syarat kesesuaian yang mendasarinya, jelas bahawa ujaran “Memang macam tu, nanti markah jadi tinggilah, kan?” (baris 20) sebagai pertanyaan.

Urutan ujaran “Memang macam tu, nanti markah jadi tinggilah, kan?” adalah selepas pertanyaan “Bila ada berbincang dan orang nampak awak ada tanyalah, kan?”. Maka ujaran ini dari segi urutannya mungkin merupakan perluasan, iaitu ujaran ini menambah maklumat baru kepada pertanyaan sebelum itu, sebagai cara L mengembangkan percakapannya. Kesenambungan ini secara jelas menghubungkan pertanyaan bahagian pertama dengan pertanyaan bahagian kedua untuk memperluaskan lagi maksud kepada pertanyaan yang dibuat sebelumnya. Bagaimanapun, perluasan ini dilakukan oleh L4 secara tidak langsung dengan bertanya kepada pelajar-pelajar.

Menurut Ahmad Mahmood (1998), penerangan dihubungkan secara sebab-akibat dengan lakuan sebelumnya. Berdasarkan konteks urutannya, L4 menjelaskan bahawa pelajar-pelajar akan mendapat markah tinggi sekiranya mereka mengikuti nasihat iaitu melibatkan diri dalam perbincangan kerana ini menunjukkan mereka ada membuat pertanyaan dalam perbincangan. Maka “Memang macam tu, nanti markah jadi tinggilah, kan?” (baris 20) selain menjadi pertanyaan dari segi bentuk nahuannya, dapat juga dianggap sebagai perluasan dan penerangan kepada ujaran “Bila ada berbincang dan orang nampak awak ada tanyalah, kan?” jika dilihat dari segi urutan konteks.

Dalam urutan ujaran ini, diperlihatkan bahawa tidak terdapat sebarang respons daripada para pelajar setelah L4 bertanya dan memberi nasihat kepada mereka (baris 21). Namun demikian, dalam urutan yang seterusnya, jelas diperhatikan bahawa pelajar-pelajar telah pun menerima nasihat L4. Mereka telah bersedia untuk membuat pertanyaan dalam perbincangan seperti apa yang dinasihatkan oleh L4. Ini dapat dibuktikan dalam SP5, iaitu urutan tanya-jawab seterusnya, yang mana S mula bertanya kepada L sama ada mereka perlu berdiri atau tidak semasa mengemukakan pertanyaan dalam sesi perbincangan kelas (baris 22).

Bagaimanapun dalam kebanyakan konteks tanya-jawab dalam bilik darjah, dari sudut pandangan pelajar, ujaran ‘ya’ kepada pertanyaan sering kali digantikan dengan kesenyapan. Dengan kata lain, iaitu pelajar (pendengar) biasanya tidak selalu memberikan respons secara verbal walaupun mereka memahami maksud ujaran pensyarah ataupun menerima permintaan pensyarah.

Kesenyapan ini mungkin juga menggambarkan persetujuan, kerana ketidaksetujuan tidak juga dinyatakan oleh pelajar secara verbal. Oleh kerana kedua-dua pertanyaan tempelan

(baris19-20) hanya memerlukan jawapan sama ada 'ya' atau 'tidak', maka kesenyapan ini (baris 21) boleh dikatakan memadai untuk mewakili respons yang dikehendaki oleh L4.

Dari segi urutannya, ujaran "Bila ada berbincang dan orang nampak awak ada tanyalah, kan?" (baris 19) diikuti oleh ujaran "Memang macam tu, nanti markah jadi tinggilah, kan?" (baris 20) oleh L4 sendiri. Dengan jelasnya ujaran L4 di baris 20 dimaksudkan sebagai jawapan kepada pertanyaan sebelumnya. Justeru itu, L4 memberikan maklumat yang seterusnya kepada S, iaitu pelajar-pelajar akan mendapat markah tinggi sekiranya mereka melibatkan diri dalam suatu perbincangan, iaitu aktiviti yang menunjukkan mereka ada membuat pertanyaan. Namun demikian, persetujuan melakukan lakuan susulan itu dibuat oleh L4 secara tidak langsung iaitu dengan bertanya lagi kepada S (baris 20).

Justeru itu, sekiranya ujaran "Bila ada berbincang dan orang nampak awak ada tanyalah, kan?" (baris 19) merupakan nasihat dalam bentuk pertanyaan dan permintaan, maka ujaran "Memang macam tu nanti markah jadi tinggilah, kan?" (baris 20) dalam bentuk pertanyaan ini pula menggambarkan penerangan kepada nasihat tersebut. Dalam hal ini, jelas diperlihatkan bahawa bentuk ayat tanya bukan sahaja membawa maksud pertanyaan atau meminta maklumat (seperti yang dibuktikan oleh Ahmad Mahmood, 1998:225-227) tetapi juga dapat menjadi jawapan, perluasan atau penerangan dalam konteks urutan wacana, khususnya konteks tanya-jawab dalam bilik darjah.

4.5 Rumusan Dapatan Kajian

Sebagai rumusan, pertanyaan tertutup dan pertanyaan terbuka amat kerap diperlihatkan sepanjang lima sesi pengajaran dan pembelajaran yang disampelkan. Kedua-dua jenis pertanyaan ini memang sering dipraktikkan oleh responden pensyarah dan responden pelajar sebagai alat untuk menggerakkan komunikasi dalam konteks bilik darjah.

Kebanyakan pertanyaan tertutup sama ada daripada responden pensyarah atau responden pelajar memperoleh respons pendengar. Pendengar memahami kehendak jenis soalan yang ditanya dan memberikan jawapan ringkas yang cukup sesuai. Bagi pertanyaan terbuka pula, diperhatikan bahawa kebanyakan masa para pelajar cenderung kepada memberikan respons dalam bentuk ujaran yang singkat dan berstruktur mudah. Ada kala kesenyapan wujud selepas pensyarah mengajukan soalan kepada pelajar tertentu ataupun seluruh kelas.

Dalam bahagian selanjutnya dibincangkan bagaimana pensyarah dan pelajar mempraktikkan strategi tanya-jawab dalam interaksi bilik darjah.

4.6 STRATEGI TANYA-JAWAB DALAM BILIK DARJAH

Dalam kajian ini, mempraktikkan pelbagai strategi tanya-jawab dalam persampelan disimpulkan dan digolongkan dalam dua kategori utama iaitu kategori strategi pensyarah dan kategori strategi pelajar. Seterusnya, strategi tanya-jawab oleh pensyarah terbahagi kepada dua sub-kategori iaitu strategi bertanya dan strategi menjawab. Begitu juga, strategi tanya-jawab oleh kategori pelajar terbahagi kepada dua sub-kategori yang sama.

4.7 STRATEGI TANYA-JAWAB OLEH PENSYARAH

4.7.1 Strategi Bertanya

4.7.1.1 Kesantunan

Penggunaan bahasa yang santun perlu diterap dalam komunikasi sosial khususnya dalam konteks bilik darjah yang bersifat formal. Walaupun contoh dalam persampelan tidak banyak tetapi kepentingan strategi ini tidak dapat dinafikan. Penekanan dalam strategi ini dapat mendidik dan mempengaruhi para pelajar turut menjadi lebih peka dalam menggunakan bahasa yang sesuai dan saling hormat-menghormati semasa berinteraksi di antara satu sama lain.

Dalam contoh di bawah, diperlihatkan bahawa pensyarah memfokuskan nilai murni kesantunan sebagai input sampingan dalam pelajaran. Pertanyaan beliau jelas menunjukkan proses sosialisasi berlangsung dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

Petikan 7, Transkripsi 2, Topik: Euthanasia

1	L2	: Ok, selamat tengah hari dan selamat sejahtera. (.)	←SP1
2		Ni hao! ((<i>Bahasa Mandarin</i>))	
3 _{QT}		Eppadi irukinge? ((<i>Bahasa Tamil</i>))	
4	SI	: Ah::: Nalla iruken. Nalla [iruken]. ((<i>Bahasa Tamil</i>))	

Dalam petikan di atas, selepas L2 bersiap sedia untuk memulakan pelajaran pada hari itu, beliau memberi salam kepada seluruh kelas dalam bahasa Melayu (baris 1). Seterusnya L2 menyampaikan ucapan selamat dalam bahasa Mandarin khusus kepada kelompok pelajar kaum Cina (baris 2). Tidak lupakan kelompok pelajar kaum India, L2 terus menyampaikan ucapan selamat dalam bahasa Tamil kepada mereka dalam bentuk pertanyaan “Eppadi irukinge?” (baris 3).

Ucapan yang berbentuk pertanyaan ini memang memerlukan pelajar India memberikan respons yang sopan dengan berbalas “Nalla iruken”. Dalam contoh ini, ucapan selamat

“Eppadi irukinge?” daripada L2 yang berbangsa Melayu berjaya menarik perhatian para pelajar kaum India. Ucapan selamat beliau telah diterima baik kerana para pelajar India berasa mesra dan gembira. Maka SI dua kali berbalas ucapan selamat “Ah::: Nalla iruken. Nalla [iruken]” (baris 4).

4.7.1.2 Memanggil Nama

Strategi ini bermakna pensyarah memanggil nama pelajar tertentu sebagai target yang dihajati untuk menjawab soalan yang dikemukakan. Strategi pertanyaan ini bertujuan memberi perhatian kepada individu-individu dalam kelas di samping melibatkan lebih ramai pelajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Contohnya adalah seperti berikut:

Petikan 8, Transkripsi 5, Topik: Dasar Utama Mewujudkan Masyarakat Malaysia

87	L5	: Ah, rakyat Malaysia ni berada dalam keadaan, yang stabil	
88		dari segi ekonominya, dari segi sosialnya, dari segi politiknya.	
89		Sebab itu, dia ada (.) <u>perancangan</u> .	
90 _{QT}		Ok, bila kita nak buat sesuatu, kita mesti ada perancangan, kan?	
91 _{QT}		Betul tak? (.)	
92 _{QT}	L5	: Ah::: macam Ani nak buat sesuatu, ada perancangan tak?	←SP14
93	SI	: °Ada.	

Dalam petikan di atas, L5 menyampaikan pelajaran tentang dasar Malaysia dengan memberi fakta bahawa rakyat Malaysia dapat hidup dalam keadaan yang stabil kerana ada perancangan (baris 87-89). Seterusnya L5 cuba menarik perhatian para pelajarnya untuk membincangkan kepentingan perancangan dengan bertanyakan dua soalan tertutup berturut-turut kepada seluruh kelas (baris 90-91).

Oleh kerana L5 tidak memperoleh respons spontan daripada para pelajar, maka L5 telah mempraktikkan strategi memanggil nama pelajar tertentu untuk menjawab soalan yang ditujukan kepada kelas sebelum ini. L5 menyusun semula soalan dengan melibatkan SI

yang bernama ‘Ani’ untuk menjawab “Ah::: **macam Ani nak buat sesuatu, ada perancangan tak?**” (baris 92). Diperlihatkan strategi L5 ini adalah berkesan kerana SI telah memberi respons yang dikehendaki oleh beliau dengan mengatakan “Ada” (baris 93).

4.7.1.3 Pengulangan

Dalam kajian ini, strategi pengulangan yang berfungsi untuk pencungkilan maklumat dan pengesahan maklumat kerap digunakan oleh pensyarah. Strategi pengulangan ini boleh dibahagikan kepada tiga sub-jenis, iaitu pengulangan sendiri, gema, dan parafrasa.

4.7.1.3 (a) Pengulangan: Sendiri

Strategi pengulangan sebahagian kata kunci atau seluruh ayat dalam pertanyaan sering digunakan oleh responden pensyarah. Strategi ini bertujuan penegasan atau pengesahan agar pelajar-pelajar sempat mendengar dengan jelas tentang skop soalan yang ditanya seterusnya dapat menjawab kehendak soalan dengan betul. Contoh strategi pengulangan sendiri dalam pertanyaan pensyarah adalah seperti berikut:

Petikan 9, Transkripsi 3, Topik: Dasar Utama Mewujudkan Masyarakat Malaysia

516 _{QB}	L3	: Dan::: apa ni, apa ni angkasawan itu nama apa?
517 _{QB}		Angkasawan negara?
518	S	: Datuk Dr. Sheikh Muszaphar.
519	L3	: Ah, Sheikh Muszaphar.

Petikan ini menunjukkan L3 ingin menguji pengetahuan para pelajar terhadap tokoh angkasawan Malaysia. Beliau telah mempraktikkan strategi pengulangan kata kunci ‘angkasawan’ dalam pertanyaan beliau bagi memastikan pelajar-pelajarnya dapat mendengar soalnya dengan jelas (baris 516-517). Strategi L3 adalah berjaya kerana S menyahut serta merta dengan jawapan yang tepat “Datuk Dr. Sheikh Muszaphar” (baris 518).

4.7.1.3 (b) Pengulangan: Gema

Dalam kajian ini didapati bahawa selain daripada pengulangan kata kunci secara sendiri, pensyarah juga menggunakan strategi pertanyaan sebagai gema. Dapatan ini adalah sejajar dengan penerangan Abdullah dan Ainon (1999) bahawa pertanyaan jenis ini mengulang kata kunci yang disebut oleh orang yang ditanya. Contoh di bawah menunjukkan pempraktikan strategi ini:

Petikan 10, Transkripsi 3, Topik: Dasar Utama Mewujudkan Masyarakat Malaysia

125 _{QT}	L3	: Se::: sebatang lidi kalau nak patah, senang dipatahkan ya?	←SP13
126	S	: Ya.	
127 _{QB}	L3	: So, kalau satu::: apa?	
128 _{QT}	S	: 'Sebundle' ke?	
129 _{QT}	L3	: 'Sebundle'?	
130	S	: Seikat::: ah, [seikat]!	
131	L3	: [Ah, seikat].	
132 _{QB}	L3	: Seikat lidi ni, kalau nak kalau nak dipatahkan agak:::?	←SP14
133	S	: Susah:::	
134	L3	: Susah. Mungkin guna kapak atau kena::: pisau! Baru boleh dipatahkan.	
135	L3	: So, itulah orang kata pengupamaan berkenaan dengan pakatan.	

Dalam petikan di atas, L3 cuba meghuraikan konsep pakatan kepada para pelajar dengan memberikan satu pengupamaan 'lidi' yang lazim didengar. Pengupamaan 'lidi' ini diujarkan dalam bentuk pertanyaan tertutup (baris 125). Ekorannya, L3 ingin pelajar melengkapkan ujaran seterusnya dengan mengujarkan sebahagian ayat "So, kalau satu::: apa?" (baris 127). S kelihatan memahami kehendak L3 dan cuba memberi respons 'Sebundle' ke? (baris 128) dalam bentuk pertanyaan juga untuk mendapatkan pengesahan daripada L3. Diperlihatkan L3 tidak puas hati dengan jawapan yang diberi oleh S kerana jawapan itu tidak tepat dari segi nahuan bahasa Melayu. Oleh demikian, L3 telah menggunakan strategi gema ini dengan mengulangkan pertanyaan S iaitu 'Sebundle'? (baris 129).

Strategi ini digunakan bukan sebagai pengesahan kepada respons S di baris 128 tetapi bertujuan membolehkan S mendengar sekali jawapan yang diberikan tadi dan seterusnya menilai sendiri sama ada jawapan tersebut adalah sesuai atau tidak. Maka S kemudian mengesan kesilapan pada jawapan tersebut lalu memperbetulkan sendiri dengan memberi jawapan baru “Seikat::: ah, [seikat]!” (baris 130). Seterusnya L3 menerima jawapan S yang betul ini dengan memberi pengesahan “[Ah, seikat] ” di baris 131.

4.7.1.3 (c) Pengulangan: Parafrasa

Strategi parafrasa ini bermaksud pensyarah menyusun semula unsur-unsur linguistik dalam pertanyaan yang diujarkan sendiri ataupun oleh pihak lain tetapi tidak mengubah makna pertanyaan.

Petikan 11, Transkripsi 2, Topik: Euthanasia

182 _{QB}	SI (6)	: Ah, kalau membunuh diri adalah salah dari segi undang-undang, kenapa wujudnya Euthanasia?	←SP21
183			
184 _{QB}	L2	: Kalau membunuh diri adalah kesalahan di sisi undang-undang, kenapa adanya Euthanasia?	
185			
186	SI (5)	: Ini kerana (.) bergantung kepada soal individu, sama ada nak	
187		teruskan hidup ataupun nak menamatkan kesakitan.	

Dalam petikan ini, SI (6) telah mengemukakan satu pertanyaan kepada SI (5) yang bertanggungjawab dalam membentangkan konsep ‘Euthanasia’ (baris 182-183) kepada seluruh kelas. Untuk memastikan semua pelajar dapat mendengar dan memahami pertanyaan daripada SI (6) tersebut, L2 telah mengulangi pertanyaan SI (6) itu secara parafrasa, iaitu menyusun semula struktur ayat dan penggunaan kata dalam pertanyaan SI (6) itu supaya ia menjadi lebih jelas dan mudah difahami (baris 184-185).

Diperlihatkan bahawa fungsi permintaan maklumat dan pengesahan maksud pertanyaan ini melalui strategi pengulangan secara parafrasa ini telah tercapai. Kesannya ternyata

di mana pelajar SI(5) telah mengemukakan pendapatnya yang menunjukkan dia telah cukup memahami terhadap pertanyaan SI(6) itu (baris 186-187).

4.7.1.4 Pengalihan Kod

Menurut Wan Imran (1998), pengalihan kod merupakan salah satu strategi penting di dalam peristiwa komunikasi. Penggunaan dua atau lebih bahasa secara serentak atau bersilhan di peringkat perkataan, frasa, klausa mahupun ayat oleh penutur dwibahasa adalah fenomena yang biasa didapati di dalam perbualan harian kita sekarang.

Dalam konteks tanya-jawab di bilik darjah, biasanya pengalihan kod berlaku semasa pensyarah menanya soalan dengan tujuan mencungkil maklumat, memberikan penjelasan, penggunaan kata nama khas, penegasan atau untuk memenuhi jurang leksikal. Melalui strategi ini pertanyaan pensyarah dapat dipersembahkan dalam bentuk yang lebih kreatif dan menarik tanpa menjejaskan makna perbualan, malah pemahaman menjadi lebih mudah apabila ia dipraktikkan dengan baik. Contoh strategi pengalihan kod yang diperolehi daripada data adalah seperti berikut:

Petikan 12, Transkripsi 2, Topik: Euthanasia			
295	L2	: Kalau Adenan tahu ya. Tiba-tiba doktor katakan pada Adenan,	←SP41
296		Adenan kamu ni hidup tinggal 30 hari lagi saja, katakanlah. Ok.	
297 _{QB}		Apa dia benda yang Adenan nak buat?	
298	SC	: Ah, kahwin sajalah.	←SP42
299		((<i>Pelajar-pelajar ketawa</i>))	
300 _{QT}	L2	: Kahwin?	
301 _{QB}		Ok, apa Adenan nak buat?	
302 _{QT}		Wasiat-wasiat ke, permintaan-permintaan ke?	
303 _{QB}		Apa agaknya yang kamu nak buat?	
304		((<i>SI (1) senyap</i>))	
305	L2	: <i>Please, please.</i>	←SP43
306	SI (1)	: AH::: (.) Mungkin ah:::	
307		((<i>SI (1) tertawa</i>))	
308 _{QB}	L2	: Eh, apa yang susah?	
309		((<i>SI(1) senyap</i>))	
310	SC	: Dia nak berkeluarga dulu.	←SP44
311		((<i>Pelajar-pelajar ketawa</i>))	

312 _{QT}	L2	: <i>Don't you have any <u>dreams</u>?</i>	←SP45
313	SI (1)	: <i>Dreams</i> saya ada, tapi jangka masanya panjanglah.	
314	L2	: Ah, yalah. Ceritalah sikit tu.	

Petikan di atas menunjukkan L2 berusaha melibatkan SI (1) yang bernama Adenan dalam perbincangan topik 'kematian secara sukarela atau bukan sukarela' melalui tanya-jawab (baris 295-297). Oleh kerana SI (1) lambat memberikan respons terhadap pertanyaan L2 (baris 297, 301-303), beliau akhirnya mempraktikkan pengalihan kod dalam bahasa Inggeris agar merangsang SI (1) menjawab pertanyaan yang khusus ditujukan kepadanya.

Contohnya L2 telah menegaskan permintaannya dan mendesak SI (1) memberi respons dengan mengujarkan ayat bahasa Inggeris "*Please, please.*" (baris 305). Susulan daripada itu, SI (1) mula mengujarkan "AH::: (.) Mungkin ah:::" (baris 306). Namun SI (1) kemungkinan kekurangan idea untuk membayangkan situasi yang ditanyakan kepadanya, oleh itu SI (1) tiba-tiba berhenti bercakap lalu ketawa sendiri. Dengan demikian, L2 terpaksa mendesak SI (1) lagi untuk melanjutkan ujarannya yang tergantung itu melalui pertanyaan "Eh, apa yang susah?" (baris 308). Sekali lagi, SI (1) tidak menjawab pertanyaan beliau (baris 309). Sehingga L2 menegaskan dan menanya soalan dalam bahasa Inggeris "*Don't you have any dreams?*" (baris 312), barulah SI (1) memberikan respons "*Dreams* saya ada, tapi jangka masanya panjanglah." (baris 313). Jawapan seperti inilah sebenarnya yang dihajati oleh L2, kerana L2 kemudian memberikan maklum balas yang jelas terhadap ujaran SI (1) di baris 313 dengan mengujarkan "Ah, yalah. Ceritalah sikit tu." (baris 314).

4.7.1.5 Contoh

Petikan 13, Transkripsi 4, Topik: Pengaruh Media Cetak		
113	SC (3)	: Jenis-jenis media ialah surat khabar, majalah, jurnal, iklan, risalah dan ah::: ←SP23
114		
115 _{QT}	L4	: Ok, awak kena bagilah sikit contoh, kan?
116 _{QT}		: Apa dia surat khabar, macam apa, kan?
117	SC (3)	: Ah, surat khabar::: surat khabar::: macam Berita Harian::: Hello, testing, hello testing ((memeriksa mikrofon)). Ah::: Surat khabar ialah macam Berita Harian, 'News Straits Times', 'The Star', dan lain-lain lagilah.
118		
119		
120		
121 _{QB}	L4	: Contoh majalah? ←SP24
122	SC (3)	: Ah::: majalah (.) [majalah]
123	SC (4)	: [Majalah]
124 _{QB}	L4	: Berapa orang nak bentang ni? ←SP25
125		((Kumpulan pembentang berbisik-bisik sesama sendiri))
126	L4	: Tak apalah, awak pun buat sikit. Semua orang bentang sikit-sikit.
127	SC (4)	: Majalah adalah seperti majalah kesihatan, ah::: majalah tentang hiburan dan lain-lain lagilah. ←SP26
128		
129	L4	: Ok:::

Petikan di atas memperlihatkan pembentangan SC (3) di baris 113-114 dan 117-120 telah dua kali dicelah oleh pertanyaan L4 untuk meminta contoh bagi pelbagai jenis media cetak. L4 meminta SC (3) memberikan contoh surat khabar dan majalah melalui pertanyaan secara tertutup dan secara terbuka (baris 115-116 dan baris 121). Respons daripada SC(3) dan rakan pembentangnya SC(4) di baris 122 dan 123 menunjukkan mereka memang memahami pertanyaan L4 itu berfungsi sebagai permintaan untuk penerangan lanjutan yang bertujuan membantu memperdalam pembentangan mereka, maka SC(4) kemudian telah memberikan contoh menurut kehendak L4 (baris 127-128).

4.7.1.6 Penggunaan 'Ok'

Penggunaan 'ok' oleh pensyarah biasanya didapati pada penghujung sesuatu ayat tanya atau selepas sesuatu pertanyaan dikemukakan. Fungsinya lebih kurang sama dengan penggunaan 'ya?', 'baik?', 'setuju?', 'boleh?', 'betul?' dan sebagainya dalam konteks wacana yang bertujuan untuk mendapat persetujuan pendengar. Oleh kerana strategi ini

agak kerap digunakan dalam pertanyaan pensyarah, maka contoh-contohnya mudah didapati daripada data. Misalnya:

- L1 : Ok, apa dia garis panduan untuk membataskan kita tidak melakukan sesuatu yang tidak bermoral? (Transkripsi 1, baris 115-116)
- L2 : Ok, minggu lepas kita bincang tentang (.) bayi tabung uji, teknologi, dan (.) ada apa lagi? (Transkripsi 2, baris 15-16)
- L3 : Sama-sama kita berkongsi pengalaman dan kita berkongsi pengetahuanlah, ok? (Transkripsi 3, baris 645-646)
- L4 : Jadi, kumpulan pembentang, ok?
Ok, kumpulan pertama sudah? (Transkripsi 4, baris 76 dan 77)
- L5 : Kita tak boleh mengharap, ok? (Transkripsi 5, baris 666)

4.7.1.7 Penggunaan ‘Hah’

Selain penggunaan ‘ok’, didapati bahawa pensyarah juga kerap menggunakan kata seru ‘hah’ sebagai komponen utama ataupun komponen sampingan dalam pertanyaan mereka. Kata seru ‘hah’ ini boleh hadir sama ada dalam bentuk ayat minimal, pada permulaan atau penghujung sesuatu ayat tanya dengan jeda, ataupun selepas sesuatu pertanyaan dikemukakan. Fungsinya lebih kurang sama dengan pertanyaan ‘Apa?’, ‘Bolehkah kamu ulang?’, ‘Saya tidak dapat dengar’, ‘Saya tidak faham maksud kamu’.

Di samping itu, ‘hah’ juga berfungsi menegaskan, atau mungkin perluasan perasaan hairan oleh penutur, dan lain-lain dalam konteks wacana. Contoh-contohnya mudah didapati daripada data, seperti:

- L1 : Hah, makan? (Transkripsi 1, baris 21)
- L2 : Yang pertama, hah? (Transkripsi 2, baris 387)

L3 : Hah, apa dia dia fikir? (Transkripsi 3, baris 157)

L4 : Ok, ah::: boleh faham hah? (Transkripsi 4, baris 582)

L5 : Hah, dah pulang bukulah? (Transkripsi 5, baris 301)

4.7.2 Strategi Menjawab

Kajian ini menelitikan strategi tanya-jawab dalam konteks wacana kelas. Walaupun penyelidik juga meninjau strategi menjawab pertanyaan oleh pensyarah tetapi penekanan dalam kajian ini adalah lebih kepada strategi-strategi pertanyaan utama yang digunakan oleh responden pensyarah.

Seperti yang diketahui umum, biasanya pensyarah memainkan peranan yang dominan dalam interaksi bilik darjah. Justeru itu, mengikut struktur pertukaran dalam bilik darjah yang tipikal, peranan pensyarah sebagai pemudahcara dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran sememangnya lebih menonjol daripada pelajar, begitu juga dalam konteks tanya-jawab. Pensyarah kerap memainkan peranan sebagai pihak yang mengemukakan pertanyaan dalam kelas.

Sebaliknya, pelajar pula tidak kerap mengemukakan soalan dalam konteks bilik darjah yang formal. Berdasarkan huraian di atas, maka tidak hairan didapati bahawa kekerapan pensyarah menjawab pertanyaan oleh pelajar adalah kurang daripada kekerapan pertanyaan pensyarah terhadap pelajar-pelajarnya.

4.7.2.1 Jawapan Dalam Bentuk Pertanyaan

Jawapan terhadap sesuatu pertanyaan tidak semestinya selalu dalam bentuk ayat nyata. Dalam konteks wacana bilik darjah yang dikaji, didapati bahawa ada kalanya responden

pensyarah memberikan jawapan dalam bentuk pertanyaan juga. Dengan kata lain, responden pensyarah menggunakan strategi bertanya ketika menjawab soalan yang ditanya oleh pelajar. Strategi ini mungkin digunakan atas sebab pensyarah berkenaan kurang pasti atau tidak memahami pertanyaan oleh pelajar tersebut.

Strategi ini juga mungkin dilakukan apabila pensyarah berkenaan cuba memberi lebih maklumat kepada pelajar dengan membuat perluasan dalam ujarannya yang berbentuk pertanyaan. Contoh di bawah menunjukkan pemraktikan strategi menjawab dalam bentuk pertanyaan:

Petikan 14, Transkripsi 4, Topik: Pengaruh Media Cetak

57 _{QB}	SC (2) : Jurnal apa maksud, puan?	←SP11
58	L4 : Jurnal ni, penulisanlah. Ah, penulisan.	
59 _{QT}	Macam olah-olahan dalam <i>paper</i> ke::: atau dalam terbitan, kan?	

Dalam petikan di atas, SC (2) bertanya kepada L4 tentang definisi jurnal (baris 57). L4 terus menjawab pertanyaan SC (2) dengan memberi fakta bahawa jurnal merupakan penulisan (baris 58). Selepas itu, L4 memperluaskan jawapannya dalam bentuk pertanyaan tertutup “Macam olah-olahan dalam *paper* ke::: atau dalam terbitan, kan?” (baris 59) bagi menambahkan maklumat baru tentang definisi jurnal yang diberi. Maklumat tambahan ini bukan diberi dalam bentuk pernyataan tetapi disampaikan dalam bentuk pertanyaan.

Tujuan L4 mempraktikkan strategi ini bukan sahaja bagi menyingkir kekeliruan SC (2) tetapi juga ingin menarik perhatian seluruh kelas agar dapat mendengar bersama-sama penjelasan beliau, di samping memberi refleksi kepada pelajar agar mereka akan memikirkan fakta yang terkandung dalam pertanyaannya.

4.7.2.2 Penggunaan ‘Ah’ dan Partikel ‘Lah’

Dalam kajian ini, ditelitikan bahawa responden pensyarah menggunakan partikel ‘lah’ dalam jawapannya sebagai fungsi penegasan terhadap soalan yang ditanya oleh pelajar. Strategi ini bertujuan untuk menyakinkan lagi pelajar tentang jawapan yang diberi oleh pensyarah. Di samping itu, responden pensyarah juga sering menggunakan kata seru ‘ah’ yang berfungsi sebagai pengesahan kepada jawapan yang diberi. Oleh demikian ‘ah’ selalu hadir pada permulaan ayat dalam jawapan pensyarah. Berikut adalah contoh strategi yang menggunakan kata seru ‘ah’ dan partikel ‘lah’:

Petikan 15, Transkripsi 4, Topik: Pengaruh Media Cetak

366	L4	: Ah reformasi, macam (.) kalau rakyat ni, dia tak, tak, apa ni, dia tak
367		setuju dengan ah pemimpin ke, atau ah::: ketua pemimpin atau siapa-
368		siapa saja.
369 _{QT}		Dia akan buat reformasi seperti berlaku tentang ISA hari itu, kan?
370 _{QT}		Ah::: tengok tak, yang TV?
371	S	: Tak:::
372	L4	: ISA hari itu. Berlaku reformasi, lepas tu, ah::: apa ni, bertengkar:::, ada
373 _{QT}		kematian. Semua-semua tu, kan?
374 _{QT}		Dengar tak?
375 _{QB}	S	: Bila?
376		Tak ada.
377 _{QB}	L4	: Hah?
378		<u>Adalah</u> ::: pasal ISA.
379 _{QT}		Dia orang pembangkang tak sedap, dia pun buat reformasi, kan?
380		Ah, <u>ada</u> .

Dalam petikan di atas, L4 memberi penjelasan kepada para pelajar bahawa reformasi mungkin terjadi atas sebab terdapat rakyat yang tidak puas hati dengan pemerintah negara (baris 366). Seterusnya L4 memberikan contoh reformasi yang telah berlaku iaitu peristiwa ISA yang telah disiarkan dalam berita televisyen pada tempoh hari itu (baris 369-370 dan 372-374). Namun S yang tidak terdedah dengan peristiwa tersebut (baris 371) telah menafikan pernyataan L4 tersebut dengan mengatakan “Tak ada.” (baris 376).

Hal ini membuat L4 merasa hairan dan meluahkan perasaannya “Hah?” (baris 377). Seterusnya L4 terpaksa menegaskan peristiwa ISA yang diceritakannya betul terjadi dengan menggunakan bentuk pertanyaan di samping menggunakan partikel ‘lah’, iaitu “Adalah::: pasal ISA.” dan kata seru ‘ah’ pada ujaran “Ah, ada.” (baris 378-380).

4.7.2.3 Respons Bukan Verbal

Ada kalanya, ‘jawapan’ pensyarah adalah dalam bentuk bukan verbal, seperti mengangguk, menggeleng kepala atau tersenyum selepas pelajar mengemukakan sesuatu pertanyaan. Maksud tersirat dalam penggunaan tindakan bukan verbal ini diterimapakai oleh ahli-ahli masyarakat setempat dalam konteks budaya yang sama secara umumnya sebagai perwakilan sesuatu jawapan yang berunsur penerimaan dan persetujuan atau sebaliknya kepada pertanyaan yang dikemukakan. Salah satu contoh yang terdapat dalam data adalah seperti berikut:

Petikan 16, Transkripsi 4, Topik: Pengaruh Media Cetak

219 _{QT}	SI (1) : Boleh mula, miss?	
220	((<i>Pensyarah mengangguk</i>))	
221	SI (1) : Ah, selamat pagi. So::: kita saya akan bentang tentang ah	←SP51
222	pengaruh aspek::: aspek, pengaruh media dalam aspek, tiga aspeklah.	
223	Politik, ekonomi dan sosial.	

Dalam petikan di atas, SI (1) bertanya kepada pensyarah sama ada dia boleh mula membuat pembentangan di depan kelas (baris 219). Pensyarah berkenaan membenarkan permintaan SI (1) tersebut dengan mengangguk kepalanya (baris 220). Oleh demikian, SI (1) yang memahami maksud respons bukan verbal daripada pensyarahnya terus mulakan pembentangannya seperti yang dipaparkan di baris 221.

4.8 STRATEGI TANYA-JAWAB OLEH PELAJAR

4.8.1 Strategi Bertanya

4.8.1.1 Pengulangan

Sama seperti dalam kategori pensyarah, strategi ini juga digunakan oleh pelajar dalam konteks tanya-jawab. Bagi kategori pelajar, strategi pengulangan ini juga terbahagi kepada tiga sub-jenis, iaitu pengulangan sendiri, gema, dan parafrasa. Dalam kajian ini, strategi pengulangan yang digunakan oleh pelajar bertujuan menguatkan percakapan atau sebagai penegasan supaya pendengar (sama ada pensyarah atau pelajar-pelajar lain) dapat memahami maksud pertanyaannya dengan lebih baik.

4.8.1.1 (a) Pengulangan: Sendiri

Diperhatikan bahawa ketika pelajar bertanya soalan, ada kalanya mereka mengulang-ulang sebahagian atau seluruh soalan yang ditanya. Terdapat keadaan juga di mana pertanyaan diulangi oleh pelajar sendiri tanpa diminta oleh siapa-siapa. Strategi ini digunakan sebagai penegasan atau pengesahan agar pendengar dapat mendengar pertanyaannya dengan jelas seterusnya dapat menjawab kehendak soalan dengan betul. Contoh strategi pengulangan sendiri dalam pertanyaan pelajar adalah seperti berikut:

Petikan 17, Transkripsi 4, Topik: Pengaruh Media Cetak

22 _{QT}	S	: ° Berdiri ?	←SP5
23 _{QB}	L4	: Hah?	
24		: Kena duduk kat depan::: ok.	
25 _{QT}	S	: Berdiri?	
26 _{QT}		Berdiri?	
27 _{QB}	L4	: Apa dia?	
28 _{QT}	S	: Bila tanya?	
29	L4	: Hah, bila tanya, kena berdirilah. Bila tanya, berdiri, <u>ya!</u>	

Petikan di atas menunjukkan S telah mengulangi pertanyaannya “Berdiri?” sebanyak tiga kali untuk mendapatkan pemahaman L4 tentang keraguannya. Pertanyaan pertama “Berdiri?” daripada S (baris 22) telah mengelirukan L4 di mana L4 bertanya kembali

dengan “Hah?” (baris 23) dan L4 cuba menjawab soalan S dengan mengatakan “Kena duduk kat depan::: ok.” (baris 24). Walau bagaimanapun, jawapan ini bukan jawapan yang dihajati oleh S. Maka S mengulangi pertanyaan sendiri berturut-turut dengan bentuk pertanyaan yang sama iaitu “Berdiri?” (baris 25-26).

Namun begitu, atas sebab L4 masih tidak dapat memahami pertanyaan S, beliau terpaksa mengemukakan pertanyaan “Apa dia?” untuk meminta penjelasan S (baris 27). Dengan demikian, S pun melengkapkan bahagian penghujung pertanyaan yang ditanya tadi dengan “Bila tanya?” (baris 28). Pertanyaan S sebenarnya bermaksud bahawa adakah pelajar perlu berdiri semasa mengemukakan soalan dalam kelas. Hasil daripada itu, L4 telah memahami maksud pertanyaan S dan beliau terus mengulangi jawapannya sebagai pengesahan kepada pertanyaan S, iaitu “Hah, bila tanya, kena berdirilah. Bila tanya, berdiri, ya!” (baris 29).

4.8.1.1 (b) Pengulangan: Gema

Dalam kajian ini didapati bahawa pelajar juga menggunakan strategi gema dengan mengulangi soalan orang lain. Contoh di bawah menunjukkan pempraktikan strategi ini:

Petikan 18, Transkripsi 1, Topik: Konsep Asas Moral

115 _{QB}	L1	: Ok, apa dia garis panduan untuk membataskan kita tidak	←SP20
116		melakukan sesuatu yang tidak bermoral?	
117 _{QB}	SC (2)	: Garis panduan?	
118	L1	: Garis panduan yang menentukan sesuatu perkara itu bermoral ke tidak.	
119	SC (2)	: Oh (.) maksudnya macam contoh Sarsi dengan seorang perempuan India	
120		di tempat yang gelap.	

Dalam petikan ini, L1 menyertai perbincangan kelas dengan mengemukakan pertanyaan kepada kumpulan pembentang mengenai konsep ‘garis panduan’ sebagai pembatas untuk tidak melakukan sesuatu yang tidak bermoral (baris 115-116). Pertanyaan L1 ini diikuti oleh respons daripada SC(2) dalam bentuk pertanyaan juga yang menggemakan

kata kunci pertanyaan L1 iaitu ‘garis panduan’ (baris 117) untuk mengesahkan ketepatan kata kunci inilah yang didengarinya, dan pada masa yang sama SC(2) meminta lebih banyak maklumat bagi mempertingkatkan pemahamannya tentang pertanyaan L1 itu.

Maka baris 118 memperlihatkan maklum balas daripada L1 yang menjelaskan maksud ‘garis panduan’ yang ditanya. Penerangan L1 ini telah mencungkilkan pendapat daripada SC(2) untuk menunjukkan pemahamannya tentang pertanyaan L1 di baris 115-116. Dalam hal ini, SC(2) cuba mempermainkan rakan sekelasnya yang bernama ‘Sarsi’ dengan melibatkan ‘Sarsi’ dalam contohnya yang menggambarkan kelakuan yang tidak bermoral (baris 119-120).

4.8.1.1 (c) Pengulangan: Parafasa

Strategi parafrasa ini juga digunakan oleh responden pelajar untuk membantu menjelaskan lagi solan yang ditanya oleh pihak lain.

Petikan 19, Transkripsi 1, Topik: Konsep Asas Moral

331	SI (7) : <i>Second</i> , ah (.) <i>now i go to</i> kepentingan agama. Agama (.) <i>yes</i> ,	←SP69
332	jadi kita fikirlah,	
333 _{QB}	<i>what’s for</i> agama peraturan semua ada?	
334 _{QT}	Kan?	
335 _{QB}	SI (8) : Apakah kepentingan agama untuk diri kita dan semua masyarakat?	
336	SC (2) : Yalah, minta jelaskan, bagi <i>INFO</i> .	
337	SI (7) : Peraturan asal ini, ok(.) sekiranya kita, mengikut ah::: semua peraturan	
338	dalam agama kita masing-masing dan saya mempercayai semua orang	
339	boleh menjadi individu yang berakhlak mulia, ok ah <i>so</i> ::: agama penting	
340	untuk membentuk peribadi manusia, untuk menjadi umat yang bijak.	

Petikan di atas memperlihatkan SI(7) dan SI(8) mengemukakan pertanyaan kepada kelas dengan tujuan menarik minat pelajar-pelajar lain supaya menumpukan perhatian terhadap pembentangan kumpulan mereka. SI(7) telah memberitahu kelas bahawa kumpulan mereka akan meneruskan pembentangan ke bahagian yang kedua, iaitu

'kepentingan agama' (baris 331). Pada masa yang sama SI(7) meminta kelas untuk berfikir tentang kepentingan agama dengan mengemukakan pertanyaan "*what's for* agama peraturan semua ada?" (baris 332-333) dan terus menegaskan penghujung pertanyaan itu dengan kata tanya tempelan 'Kan?' iaitu 'Bukan?' dalam bentuk penuh (baris 334).

Untuk membantu para pelajar agar mempunyai gambaran yang lebih jelas tentang soalan yang dikemukakan oleh SI(7) itu, SI(8) selaku rakan sekumpulannya telah mempraktikkan strategi dengan mengulangi pertanyaan SI(7) itu secara parafrasa (baris 335). SI(8) menyusun semula pertanyaan tersebut kepada bentuk yang lebih kemas dan mudah difahami, iaitu "Apakah kepentingan agama untuk diri kita dan semua masyarakat?"

Ayat tanya yang diparafrasakan itu telah berjaya mencungkil minat daripada SC(2) dengan meminta mereka menjelaskan tentang kepentingan agama dan memberikan maklumat yang selanjutnya (baris 336). Justeru itu, SI(7) menyambungkan pembentangannya dan menyimpulkan bahawa "agama penting untuk membentuk peribadi manusia, untuk menjadi umat yang bijak' (baris 337-340).

4.8.1.2 Contoh

Seperti kategori pensyarah, responden pelajar juga mempraktikkan strategi contoh dalam pertanyaan apabila mereka memerlukan penerangan. Di bawah berikut adalah contohnya:

Petikan 20, Transkripsi 1, Topik: Konsep Asas Moral

224	SC (2) : Buku teks moral itu tak cukup.	←SP43
225	SI (1) : Tak, dia sekarang cakap sumber daripada buku.	
226 _{QB}	SI (2) : Tak ((<i>geleng kepala</i>)), contoh?	←SP44
227	SI (5) : Contoh itu, ah::: ya <u>lah</u> , buku pendidikan morall <u>ah</u> .	
228 _{QB}	SI (2) : Contoh ajaran ibu bapa?	←SP45
229	SI (5) : Ah::: macam (.) ibu bapa cakap (.) malam-malam	
230	tak boleh keluar.	

Dalam petikan ini, diperlihatkan bahawa SC (2) dan SI (2) sama-sama meragu terhadap isi yang dibentangkan oleh SI(5) sebelum ini (baris 224 dan 226). Untuk menyelesaikan masalah ini, maka SI(2) telah mengemukakan pertanyaan untuk meminta contoh-contoh daripada mereka mengenai ‘sumber daripada buku’ (baris 226) dan mengenai ‘ajaran ibu bapa’ (baris 228). Maka fungsi pertanyaan daripada SI(2) ini merupakan permintaan contoh sebagai maklumat lanjutan manakala jawapan daripada SI(5) dengan memberikan contoh kepada SI (2) telah berfungsi sebagai penerangan untuk melanjutkan pemahaman SI(2) terhadap pembentangan mereka (baris 227 dan baris 229-230).

4.8.1.3 Penggunaan ‘Ok’

Sama seperti dalam kategori pensyarah, strategi ini juga digunakan oleh pelajar dalam tanya-jawab. Diperhatikan bahawa pertanyaan pelajar diiringi dengan ‘ok’ ketika hendak mendapatkan perhatian daripada para pendengar bagi membolehkannya meneruskan ujaran. Contoh yang didapati adalah seperti berikut:

SI (2) : Ok, apa yang dimaksudkan dengan wacana? (Transkripsi 4, baris 175)

4.8.1.4 Penggunaan ‘Hah’

Seperti yang dibincangkan dalam kategori strategi pensyarah, responden pelajar juga didapati kerap menggunakan strategi ‘hah’ untuk mengemukakan pertanyaan mereka. Biasanya kata seru ‘hah’ yang bermaksud bertanya ini digunakan sebagai respons

apabila pelajar tidak memahami atau kurang pasti dengan maksud ujaran penutur. Contoh-contoh pertanyaan sering hadir dalam struktur yang paling mudah, iaitu “Hah?”, seperti yang terdapat dalam Transkripsi 1, baris 238 dan Transkripsi 4, baris 427.

4.8.2 Strategi Menjawab Oleh Pelajar

Dalam kajian ini diperhatikan kepelbagaian strategi menjawab oleh pelajar dalam wacana bilik darjah. Hal ini demikian kerana peranan yang dimainkan oleh pelajar dalam bilik darjah biasanya sebagai pihak yang diminta untuk menjawab. Kebebasan dari segi pemikiran dan pertuturan juga mengakibatkan kepelbagaian strategi menjawab oleh pelajar. Kebanyakannya jawapan yang dikemukakan oleh pelajar adalah dalam bentuk terus, pendek dan ringkas.

4.8.2.1 Respons Minimal

Dalam kajian ini, didapati bahawa kebanyakan pelajar ghairah memberi respons minimal terhadap pertanyaan sama ada daripada pensyarah mahupun pelajar-pelajar lain. Respons minimal biasa berlaku dalam keadaan ketika sampai giliran pelajar untuk menjawab sesuatu pertanyaan.

Pelajar menggunakan strategi ini untuk menunjukkan bahawa dia memahami atau setuju dengan maksud pertanyaan tersebut. Mereka kerap memberi jawapan dalam satu atau dua patah perkataan sahaja, iaitu ujaran yang singkat. Malahan dalam konteks di mana jawapan yang lebih panjang dan huraian terperinci diperlukan, pelajar tetap memberi jawapan yang amat ringkas. Respons minimal yang didapati adalah jawapan yang berbunyi ‘Ah’, ‘Ok’ atau ‘*Alright*’. Misalnya:

SI (4) : *Alright*^o. (Transkripsi 1, baris 152)

SC (1) : Ah::: ok, ok. (Transkripsi 4, baris 87)

4.8.2.2 Respons Bukan Verbal

Dalam konteks tertentu, 'jawapan' pelajar juga boleh wujud dalam bentuk bukan verbal, seperti pelajar mengangguk, mengangkat tangan, atau ketawa selepas penutur mengemukakan sesuatu pertanyaan. Strategi ini bertujuan menunjukkan pendengar memahami pertanyaan berkenaan dan cuba melibatkan diri secara langsung dengan memberi persetujuan ataupun penolakan terhadap pertanyaan berkenaan. Misalnya:

Petikan 21, Transkripsi 1, Topik: Konsep Asas Moral

171 _{QT} L1	: Tak ada soalan lagi ?	←SP35
172	<i>((Kebanyakan pelajar menggeleng kepala))</i>	

Petikan 22, Transkripsi 2, Topik: Euthanasia

59 _{QB} L2	: Ok, siapa yang dari kumpulan pertama ya?
60	<i>((Dua orang pelajar India mengangkat tangan))</i>

4.8.2.3 Pengulangan Ujaran

Pengulangan ujaran juga merupakan salah satu daripada strategi menjawab yang sering digunakan oleh pelajar. Pelajar cenderung untuk mengulangi sebahagian atau seluruh ujaran berkali-kali semasa memberi jawapan. Ini mungkin adalah kerana mereka menjawab sambil berfikir untuk mencari perkataan yang sesuai atau ayat yang seterusnya.

Ada kalanya pelajar menggunakan strategi ini kerana mereka tidak mampu menjawab sesuatu pertanyaan, kekurangan idea atau tidak yakin untuk menyuarakan jawapannya di depan pensyarah dan semua pelajar. Contoh-contoh pengulangan ujaran dalam jawapan adalah seperti mana baris yang ditandai dengan simbol →:

Petikan 23, Transkripsi 3, Topik: Dasar Utama Mewujudkan Masyarakat Malaysia

318_{QB} L3 : **Iaitu bahasa pengantar ini maksudnya apa dia?**
319→ S : Bahasa (.) bahasa (xxx)

Petikan 24, Transkripsi 4, Topik: Pengaruh Media Cetak

338_{QB} SC (1) : Ah::: **apa itu prospek(.)tus?** ←SP67
339_{QB} L4 : **Apa dia?**
340_{QB} SC (1) : **Prospektus?**
341_{QT} SI (1) : **Prospektus ah?**
342→ Prospektus, prospektus:::

Apa yang menarik perhatian penyelidik adalah strategi pengulangan ujaran ini juga boleh berlaku dalam keadaan yang sebaliknya. Diperlihatkan bahawa pelajar akan mengulangi ujaran mereka dalam intonasi lebih tinggi apabila mereka cukup yakin dengan jawapan mereka bahawa jawapan tersebut adalah amat sesuai ataupun tepat.

Contoh-contoh pengulangan ujaran sedemekian adalah seperti berikut:

SI (4) : TIDAK memberi...*sorry*. Tidak memberi. (Transkripsi 2, baris 151)

S : Wajib::: Wajib! Wajib! (Transkripsi 2, baris 538)

S : Ada, ada. (Transkripsi 5, baris 707)

4.8.2.4 Melengah Masa

Strategi melengah masa boleh difahami sebagai ‘membeli masa’ iaitu dalam bahasa Inggeris ‘*buy time*’. Biasanya pelajar mempraktikkan strategi ini apabila pertanyaan tersebut dirasai sukar untuk dijawab, di luar jangkaan pelajar ataupun mereka tidak bersedia untuk menjawab soalan tersebut. Oleh kerana pelajar kurang pasti atau kurang berkeyakinan, maka mereka cuba menjawab sambil mengisi ujaran mereka dengan perkataan-perkataan kosong yang tidak bermakna ataupun bertutur secara perlahan-lahan agar sempat berfikir dan memperoleh maklumat yang sesuai untuk pertanyaan tersebut.

Dalam contoh di bawah, didapati bahawa pelajar sering menggunakan strategi menjawab ini supaya pensyarah atau pelajar-pelajar lain dapat ‘menolong’nya atau ‘menyelamatkan’nya dengan menyumbangkan idea-idea atau pengetahuan yang dikehendaki untuk soalan berkenaan.

Petikan 25, Transkripsi 5, Topik: Dasar Utama Mewujudkan Masyarakat Malaysia			
597	L5	: Ok, susu, susu getah.	←SP81
598 _{QB}		Dengan susu getah, apa yang kita boleh buat?	
599 _{QB}		Tayar, apa lagi?	
600		((<i>Pelajar-pelajar senyap</i>))	
601	L5	: Ah::: Kok! Kok Seng Li (.)	←SP82
602 _{QB}		Getah, apa yang boleh buat dengan getah?	
603	S	: Tayar.	
604 _{QB}	L5	: Hah?	
605	S	: Tayar.	
606 _{QB}	L5	: Tayar, lagi?	
607	S	: °Apa benda:::	
608 _{QT}	L5	: Tayar saja kita boleh buat?	
609 _{QT}		Lain-lain tak boleh buat?	
610	S	: Boleh:::	
611	L5	: Dekat kamu, dengan kamu, pada diri kamu sendiri.	←SP83
612 _{QB}		Apa yang kamu ada, hasil daripada getah?	
613	S	: Kasut. Kasut:::	
614	L5	: Hah, kasut! Kamu pakai kasut tu daripada getah.	

Dalam petikan di atas, kelihatan S telah menggunakan strategi melengah masa untuk menjawab pertanyaan L5 (baris 598). Untuk menggalakkan pelajar memberi respons, L5 telah memberi jawapan kepada pertanyaan sendiri iaitu “Tayar, apa lagi?” (baris 599). Contoh jawapan yang diberikan sebegini mungkin boleh merangsang pemikiran pelajar dan membantu mereka untuk menyumbangkan lebih banyak jawapan yang lain. Namun permintaan L5 melalui pertanyaannya itu tidak berkesan kerana pelajar-pelajar senyap sahaja (baris 600).

Maka L5 telah menukar strategi dengan memanggil nama salah seorang pelajar (baris 601) untuk menjawab pertanyaan beliau iaitu “Getah, apa yang boleh buat dengan getah?” (baris 602). Kemungkinan S tidak memberi perhatian dalam pelajaran maka dia

telah menggunakan jawapan sama yang diberikan oleh L5 iaitu “Tayar.” sebagai jawapan untuk membalas pertanyaan L5 (baris 603 dan 605). Dengan itu L5 terpaksa mengemukakan pertanyaan lagi iaitu “Tayar, lagi?” untuk mencungkil jawapan lain daripada S (baris 606).

Susulan daripada itu, S terpaksa berbalas dengan sesuatu maka dia menjawab dengan jawapan kosong “°Apa benda:::” untuk melengah masa (baris 607). L5 terus mendesak S memberi jawapan dengan bertanya lagi “Tayar saja kita boleh buat?” (baris 608) dan “Lain-lain tak boleh buat?” (baris 609) untuk mengingatkan S bahawa memang banyak jawapan lain selain daripada ‘tayar’. Atas sebab kebuntuan idea maka S menjawab pertanyaan L5 “Lain-lain tak boleh buat?” itu dengan jawapan langsung “Boleh:::” (baris 610) yang jelas sekali bukan merupakan jawapan yang diminta oleh L5.

Akhirnya L5 terpaksa membantu S dengan memberikan isyarat (*hint*) kepada S. Beliau meminta S memerhatikan barangan kepunyaan yang ada pada diri S pada ketika itu untuk menemui jawapan yang sesuai (baris 611). Pertanyaan L5 kepada S iaitu “Apa yang kamu ada, hasil daripada getah?” (baris 612) telah merangsangkan S tentang barangan getah yang ada padanya pada masa itu. Justeru itu jawapan yang dinantikan oleh L5 akhirnya diujarkan oleh S, iaitu “Kasut. Kasut:::” (baris 613). Maklum balas daripada L5 “Hah, kasut! Kamu pakai kasut tu daripada getah.” (baris 614) menunjukkan kepuasannya kerana S akhirnya dapat memberikan jawapan yang sesuai. Dalam proses mencungkil jawapan ini, kelihatan strategi melengah masa S untuk menjawab telah berjaya memanjangkan masa untuk berfikir dan akhirnya S berupaya memberikan jawapan tepat yang diminta oleh L5.

4.8.2.5 Menjalिन Kemesraan

Semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan, ada kalanya pensyarah dan pelajar saling bergurau senda sesama sendiri untuk merapatkan jarak interaksi dalam bilik darjah. Dalam kajian ini didapati pelajar menggunakan strategi menjawab yang berfungsi menjalin kemesraan antara satu sama lain. Strategi ini dapat membantu memberikan motivasi kepada para pelajar malahan mengekalkan minat mereka semasa mengikuti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan dalam konteks bilik darjah yang formal.

Petikan 26, Transkripsi 4, Topik: Pengaruh Media Cetak

36 _{QT}	L4	: Ok. Ada ni tak?	←SP7
37 _{QT}		Ada::: marker pen tak?	
38 _{QT}	SC (2)	: Marker pen?	
39	L4	: Hah.	
40	SC (2)	: Ada!	
41 _{QT}	L4	: Ah, ada?	
42 _{QB}		Mana?	
43	SC (2)	: Dalam rumah. ((ketawa))	
44	L4	: Alah::: Janganlah gurau-gurau.	
45 _{QT}		Awak ada? ((bercakap dengan pelajar di sebelah))	
46 _{QT}		Ada?	
47		((Pelajar itu menghulurkan sebatang marker pen kepada pensyarah))	

Petikan di atas memperlihatkan interaksi tanya jawab yang berlaku di antara L4 dan SC(2). SC(2) cuba menghidupkan suasana bilik darjah supaya lebih mesra dan ceria dengan mempraktikkan strategi bergurau senda untuk merapatkan jarak interaksi dengan pensyarah. Pertanyaan L4 kepada SC(2) untuk meminta ‘*marker pen*’ daripadanya (baris 36-37) diberi respons oleh SC(2) dengan menggemakan pertanyaan L4 iaitu ‘*Marker pen?*’ (baris 38) dan diikuti dengan pengesahan L4 dengan kata seruan ‘Hah!’ (baris 39). SC(2) terus menjawab ‘Ada!’ (baris 40) dan apabila ditanya oleh L4 ‘Ah, ada?’ dan ‘Mana?’ (baris 41-42), SC(2) ketawa sambil memberitahu L4 bahawa ‘*marker pen*’ yang diminta oleh L4 memang ada tetapi ‘dalam rumah’ (baris 43).

Namun gurauan daripada SC(2) ini mungkin tidak tepat pada masa kerana telah menghampakan hati L4 yang memang memerlukan '*marker pen*' pada masa itu dengan segeranya. Maka setelah membalas gurauan daripada SC(2) itu dengan 'Alah::: Janganlah gurau-gurau.' (baris 44), L4 terus berpusing kepada pelajar lain untuk meminta '*marker pen*' lagi (baris 45-46). Kali ini pelajar tersebut terus menghulurkan sebatang marker pen kepada L4 (baris 47).

4.9 Kesimpulan

Dalam bab ini, strategi bertanya dan menjawab yang melibatkan kedua-dua pihak pensyarah dan pelajar ditelitikan dan dibincangkan dari sudut pragmatik. Sehubungan itu, variasi-variasi LB pertanyaan seperti permintaan, ajakan, pengesahan, pernyataan, nasihat berserta jawapan, fungsi-fungsi persetujuan, penerimaan, penolakan, dan sebagainya turut dihuraikan secara terperinci.

Pendek kata, kajian ini memperlihatkan tujuh jenis strategi bertanya yang utama oleh pensyarah, iaitu kesantunan; memanggil nama; pengulangan: sendiri, gema, parafrasa; pengalihan kod; contoh; penggunaan 'Ok'; dan penggunaan 'Hah'. Sementara itu, diperlihatkan tiga jenis strategi menjawab yang utama oleh pensyarah, iaitu jawapan dalam bentuk pertanyaan; penggunaan 'ah' dan partikel 'lah'; dan respons bukan verbal.

Bagi kategori pelajar pula, terdapat empat jenis strategi bertanya yang utama, iaitu pengulangan: sendiri, gema, parafrasa; contoh; penggunaan 'Ok'; dan penggunaan 'Hah'. Manakala diperlihatkan lima jenis strategi menjawab yang utama oleh pelajar, iaitu respons minimal; respons bukan verbal, pengulangan ujaran; melengah masa,

menjalin kemesraan. Dalam pada itu, diperlihatkan beberapa persamaan pada strategi bertanya oleh pensyarah dan pelajar, iaitu strategi pengulangan, contoh, penggunaan 'Ok'; dan penggunaan 'Hah'. Begitu juga dengan strategi menjawab antara pensyarah dan pelajar, di mana terdapat persamaan pada strategi respons bukan verbal.

Selaras dengan perkembangan masa kini, peranan pensyarah dan pelajar dalam bertanya dan menjawab tidak lagi terbatas dalam gaya bentuk yang lama atau secara stereotaip. Demi menjalin hubungan yang erat dalam interaksi bilik darjah, para pensyarah dan pelajar-pelajar berkenaan telah mengaplikasikan kekreatifan dan daya usaha mereka untuk mengalihkan tata tertib tanya-jawab dalam bilik darjah kepada situasi suasana pengajaran dan pembelajaran yang lebih riang, menarik dan menyeronokkan.